



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 16 Februari 2023 (Khamis) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p><b>Akta Antigangguan Seksual: KPWKM rangka peraturan, bangunkan tribunal - Nancy Shukri</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/akta-antigangguan-seksual-kpwkm-rangka-peraturan-bangunkan-tribunal-nancy-shukri-406725">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/akta-antigangguan-seksual-kpwkm-rangka-peraturan-bangunkan-tribunal-nancy-shukri-406725</a></p> <p><a href="https://www.thesundaily.my/local/anti-sexual-harassment-act-kpwkm-to-draft-regulations-establish-tribunal-LD10644609">https://www.thesundaily.my/local/anti-sexual-harassment-act-kpwkm-to-draft-regulations-establish-tribunal-LD10644609</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2164904">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2164904</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/02/15/nancy-shukri-santuni-pengamal-media/">https://malaysiagazette.com/2023/02/15/nancy-shukri-santuni-pengamal-media/</a></p>	<p><b>Astro Awani</b></p> <p><b>The Sun Daily</b></p> <p><b>Bernama</b></p> <p><b>MG</b></p>	<b>Neutral</b>

	<p><a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2023/02/880328/nancy-ministry-draft-anti-sexual-harassment-act-regulations-establish">https://www.nst.com.my/news/nation/2023/02/880328/nancy-ministry-draft-anti-sexual-harassment-act-regulations-establish</a></p> <p><a href="https://www.sinardaily.my/article/190323/malaysia/national/anti-sexual-harassment-act-ministry-to-draft-regulations-establish-tribunal---nancy">https://www.sinardaily.my/article/190323/malaysia/national/anti-sexual-harassment-act-ministry-to-draft-regulations-establish-tribunal---nancy</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/936464/kpwkm-tumpu-laksana-akta-840-tahun-ini-metrotv">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/936464/kpwkm-tumpu-laksana-akta-840-tahun-ini-metrotv</a></p> <p><a href="https://tvstv.my/2023/02/16/kpwkm-fokus-laksana-akta-antigangguan-seksual-untuk-2023-nancy/">https://tvstv.my/2023/02/16/kpwkm-fokus-laksana-akta-antigangguan-seksual-untuk-2023-nancy/</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/15/kerajaan-rangka-peraturan-tubuh-tribunal-antigangguan-seksual/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/15/kerajaan-rangka-peraturan-tubuh-tribunal-antigangguan-seksual/</a></p> <p><a href="https://www.hotfm.audio/kerajaan-rangka-peraturan-tubuh-tribunal-antigangguan-seksual/">https://www.hotfm.audio/kerajaan-rangka-peraturan-tubuh-tribunal-antigangguan-seksual/</a></p> <p><a href="https://headtopics.com/my/ministry-to-draft-anti-sexual-harassment-act-regulations-establish-tribunal-says-nancy-the-malay-35440615">https://headtopics.com/my/ministry-to-draft-anti-sexual-harassment-act-regulations-establish-tribunal-says-nancy-the-malay-35440615</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=2eUx16Pe8CA">https://www.youtube.com/watch?v=2eUx16Pe8CA</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=uKBccn-ONLc">https://www.youtube.com/watch?v=uKBccn-ONLc</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/terkini">https://www.sinarharian.com.my/terkini</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1064846/kpwkm-tubuh-tribunal-berkaitan-antigangguan-seksual">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1064846/kpwkm-tubuh-tribunal-berkaitan-antigangguan-seksual</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=nOwak4tKCYo">https://www.youtube.com/watch?v=nOwak4tKCYo</a></p>	<p>NST</p> <p>Sinar Daily</p> <p>HM</p> <p>TVSTV</p> <p>FMT</p> <p>Hot FM</p> <p>Head Topics</p> <p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Berita Harian</p> <p>KL Broadcast</p>	
2	<p><b>JKM cari waris Mohamad Norazman</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/245260/edisi/melaka-ns/jkm-cari-waris-mohamad-norazman">https://www.sinarharian.com.my/article/245260/edisi/melaka-ns/jkm-cari-waris-mohamad-norazman</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/jkm-melaka-kesan-waris-kanak-kanak/">https://www.buletintv3.my/nasional/jkm-melaka-kesan-waris-kanak-kanak/</a></p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral

3	<p><b>Rumah baharu ini lebih selesa [METROTV]</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/936323/rumah-baharu-ini-lebih-selesa-metrotv">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/936323/rumah-baharu-ini-lebih-selesa-metrotv</a></p>	Harian Metro	Neutral
4	<p><b>Waris bayi ditemukan di pangsapuri diminta tampil</b></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/waris-bayi-ditemukan-di-pangsapuri-diminta-tampil/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/waris-bayi-ditemukan-di-pangsapuri-diminta-tampil/</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1064760/waris-bayi-ditemukan-bawah-bangku-dicari">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1064760/waris-bayi-ditemukan-bawah-bangku-dicari</a></p>	Utusan  Berita Harian	Neutral
5	<p><b>Ibu tunggal dapat upah RM70 sahaja potong rumput</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/02/16/ibu-tunggal-dapat-upah-rm70-sahaja-potong-rumput/">https://www.kosmo.com.my/2023/02/16/ibu-tunggal-dapat-upah-rm70-sahaja-potong-rumput/</a></p>	Kosmo	Neutral
6	<p><b>Tunggu bapa pulang kerja, kanak-kanak hilang di kuari</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/936427/tunggu-bapa-pulang-kerja-kanak-kanak-hilang-di-kuari">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/936427/tunggu-bapa-pulang-kerja-kanak-kanak-hilang-di-kuari</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1064806/kanak-kanak-hilang-di-kuari">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1064806/kanak-kanak-hilang-di-kuari</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/02/15/budak-dua-tahun-hilang-ketika-tunggu-bapa-balik-kerja/#:~:text=SEMATAN%20%E2%80%93%20Seorang%20kanak%20lelaki,tahun%20itu%20sedang%20bersama%20ibunya.">https://www.kosmo.com.my/2023/02/15/budak-dua-tahun-hilang-ketika-tunggu-bapa-balik-kerja/#:~:text=SEMATAN%20%E2%80%93%20Seorang%20kanak%20lelaki,tahun%20itu%20sedang%20bersama%20ibunya.</a></p> <p><a href="https://www.malay.news/tunggu-bapa-pulang-kerja-kanak-kanak-hilang-di-kuari/">https://www.malay.news/tunggu-bapa-pulang-kerja-kanak-kanak-hilang-di-kuari/</a></p> <p><a href="https://suarasarawak.my/2023/02/kanak-kanak-dua-tahun-hilang-ketika-bersama-ibu-tunggu-bapa-balik-kerja/">https://suarasarawak.my/2023/02/kanak-kanak-dua-tahun-hilang-ketika-bersama-ibu-tunggu-bapa-balik-kerja/</a></p>	Harian Metro  Berita Harian  Kosmo  Malay News  Suara Sarawak	Neutral
7	<p><b>Kanak-kanak akan dikeluarkan dari depoh tahanan Imigresen</b></p>		Neutral

	<p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1064882/kanak-kanak-akan-dikeluarkan-dari-depoh-tahanan-imigresen">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1064882/kanak-kanak-akan-dikeluarkan-dari-depoh-tahanan-imigresen</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/02/16/kdn-dalam-proses-bawa-kanak-kanak-keluar-dari-depoh-tahanan/">https://www.kosmo.com.my/2023/02/16/kdn-dalam-proses-bawa-kanak-kanak-keluar-dari-depoh-tahanan/</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/kdn-dalam-proses-keluarkan-kanak-kanak-dari-depot-tahanan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/kdn-dalam-proses-keluarkan-kanak-kanak-dari-depot-tahanan/</a></p> <p><a href="https://utusanv.com/2023/02/16/kdn-akan-keluarkan-kanak-kanak-di-depot-imigresen-saifuddin-nasution/">https://utusanv.com/2023/02/16/kdn-akan-keluarkan-kanak-kanak-di-depot-imigresen-saifuddin-nasution/</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Utusan</p> <p>Utusan TV</p>	
8	<p><b>Warga emas ditemui mati dalam rumah</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/02/15/warga-emas-ditemui-mati-dalam-rumah-2/">https://www.kosmo.com.my/2023/02/15/warga-emas-ditemui-mati-dalam-rumah-2/</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/niat-nak-hantar-nasi-rupanya-adik-dah-meninggal-dunia-406697">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/niat-nak-hantar-nasi-rupanya-adik-dah-meninggal-dunia-406697</a></p>	<p>Kosmo</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral
9	<p><b>Polis terima 2 lagi laporan kes cabul babit doktor</b></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/15/polis-terima-2-lagi-laporan-kes-cabul-babit-doktor/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/15/polis-terima-2-lagi-laporan-kes-cabul-babit-doktor/</a></p>	<p>Free Malaysia Today</p>	Neutral
10	<p><b>Pesara, peneroka rugi hampir RM60,000 diperdaya Macau Scam</b></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/pesara-peneroka-rugi-hampir-rm60000-diperdaya-macau-scam/">https://www.buletintv3.my/jenayah/pesara-peneroka-rugi-hampir-rm60000-diperdaya-macau-scam/</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1064543/pesara-peneroka-rugi-rm59970-ditipu-macau-scam">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/02/1064543/pesara-peneroka-rugi-rm59970-ditipu-macau-scam</a></p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral

## AKTA ANTIGANGGUAN SEKSUAL: KPWKM RANGKA PERATURAN, BANGUNKAN TRIBUNAL - NANCY SHUKRI

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/akta-antigangguan-seksual-kpwkm-rangka-peraturan-bangunkan-tribunal-nancy-shukri-406725>

Sumber : Astro Awani



*KPWKM akan merangka peraturan dan membangunkan satu tribunal berkaitan Akta Antigangguan Seksual 2021 (Akta 840) pada tahun ini, kata Menteriinya Datuk Seri Nancy Shukri. - Gambar fail/BERNAMA*

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan merangka peraturan dan membangunkan satu tribunal berkaitan Akta Antigangguan Seksual 2021 (Akta 840) pada tahun ini, kata Menteriinya Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata akta berkenaan yang telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong pada 8 Okt dan diwartakan 18 Okt tahun lepas, merupakan antara tumpuan utama KPWKM bagi mengekang sebarang bentuk gangguan seksual dalam kalangan masyarakat.

"Kita juga mahukan supaya program hebahan dan advokasi dapat dimulakan dengan kadar segera. Saya yakin KPWKM dan pihak media boleh bekerjasama rapat, untuk merealisasikan hasrat supaya segenap lapisan masyarakat mendapat kesedaran akan adanya akta ini dan kebaikannya," katanya ketika berucap pada program KPWKM Bersama Media 2023, di sini malam ini.

Mengulas mengenai peranan media, Nancy berkata ia mampu berperanan sebagai pihak yang membantu bagi membantu kerajaan untuk menyebarkan inisiatif kerajaan dan bertindak sebagai ejen pengubah bagi menyampaikan maklumat yang sahih khususnya kepada kumpulan sasar KPWKM.

"Dengan perkembangan teknologi yang membolehkan maklumat disebarkan dengan sangat cepat, hanya di hujung jari dan peningkatan penggunaan media dalam talian seperti Facebook,

Instagram, TikTok dan sebagainya, cabaran untuk mengurus persepsi masyarakat terhadap kerajaan khususnya KPWKM, memerlukan kami semua bertindak lebih cepat dan responsif.

"Tetapi pada masa yang sama, aspek integriti dan kesahihan maklumat juga tidak boleh diabaikan terutamanya bagi isu-isu teknikal, yang melibatkan pelbagai akta dan peraturan," katanya.

Antara yang hadir dalam program berkenaan ialah Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Aiman Athirah Sabu, Ketua Setiausaha KPWKM Datuk Dr Maziah Che Yusoff dan Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) Roslan Ariffin.

-- BERNAMA

### **JKM CARI WARIS MOHAMAD NORAZMAN**

<https://www.sinarharian.com.my/article/245260/edisi/melaka-ns/jkm-cari-waris-mohamad-norazman>

**Sumber : Sinar Harian**



JKM sedang mengesan waris Mohamad Norazman yang kini sudah berusia enam tahun.

*Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti [Telegram](#) dan [TikTok](#) kami*

JASIN - Seorang kanak-kanak berusia enam tahun yang selama ini menumpang kasih seorang lelaki kini ditempatkan di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Jasin.

Pegawainya, Mohd Faizal Mat Yaacob berkata, pihaknya mengambil kanak-kanak itu selepas individu yang menjaganya sejak bayi telah meninggal dunia.

Menurutnya, maklumat awal diperolehi mendapati ibu kanak-kanak berkenaan dipercayai adalah warga Indonesia dan dikenali sebagai Sumiati.

Katanya, siasatan awal pelindungnya juga mendapati kanak-kanak berkenaan tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri dan maklumat latar belakang keluarga juga tidak jelas.

"JKM Jasin menerima aduan mengenai seorang kanak-kanak dikenali sebagai Mohamad Norazman tidak mempunyai waris dan penjaga yang sah.

"Kami menyelamatkan kanak-kanak berkenaan di bawah Seksyen 17(1)(e) Akta Kanak-kanak 2001," katanya dalam satu kenyataan di sini, pada Rabu.

Jelasnya, usaha mengesan waris kanak-kanak berkenaan mengikut Perintah 15(3) akta sama sedang giat dijalankan.

"Kami memohon kerjasama orang ramai untuk menyalurkan maklumat kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Jasin jika mengetahui atau mengenali waris kanak-kanak itu," katanya lagi.

## **RUMAH BAHARU INI LEBIH SELESA [METROTV]**

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/936323/rumah-baharu-ini-lebih-selesa-metrotv>

**Sumber : Harian Metro**

Rantau Panjang: Dua beranak yang menumpang di rumah saudara kini mampu mendiami kediaman lebih selesa selepas terdapat individu yang prihatin sanggup menginfak tanah miliknya untuk membina rumah baharu buat keluarga itu.

Zulkifli Hussin, 55, berkata sebelum ini dia dan ibunya, Minah Mamat, 88, menumpang di rumah kosong milik saudaranya di kawasan terpencil sejak dua tahun lalu.

Menurutnya, dia beranggapan amat mustahil untuk menyimpan wang bagi membina rumah baharu kerana hanya mengambil upah menoreh getah.

"Rumah yang kami diami sebelum ini terlalu uzur dan menunggu masa untuk menyembah bumi apabila hampir keseluruhan lantai sudah reput dimakan anai-anai selain tidak mempunyai kemudahan tandas.

"Ibu juga sudah tua dan hanya mampu mengengsot selain kedua-dua matanya tidak lagi dapat melihat dengan jelas susulan implikasi penyakit kencing manis.

"Mujur ibu mendapat bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM500 sebulan untuk membeli keperluannya," katanya.

Terdahulu, keluarga berkenaan menerima kunjungan Pengasas Yayasan Raja Shamri (YRS) Raja Shamri Raja Husin yang turut menyampaikan sumbangan wang tunai di Kampung Tasek Bakong, di sini.

Sementara itu, Raja Shamri berkata, rumah dua beranak berkenaan mula dibina pada Februari tahun lalu dan siap sepenuhnya pada awal tahun ini dengan kos keseluruhan RM80,000 termasuk menaik taraf jalan sejauh satu kilometer selain kelengkapan perabot.

"Saya amat berharap kediaman yang dibina ini dapat memberi keselesaan kepada dua beranak berkenaan yang sebelum ini terpaksa menumpang di rumah saudara.

"Alhamdulillah, hasil sumbangan orang ramai banyak membantu kami membina rumah asnaf," katanya.

## **WARIS BAYI DITEMUKAN DI PANGSAPURI DIMINTA TAMPIL**

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/waris-bayi-ditemukan-di-pangsapuri-diminta-tampil/>

sumber : Utusan



**KUALA TERENGGANU:** Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Terengganu meminta waris kepada seorang bayi lelaki yang ditemukan di sebuah pangsapuri di Kuala Ibai, di sini pada 5 Februari lalu, tampil bagi melengkapkan dokumentasi bayi tersebut.

Menurut Pengarah JKM negeri, Mazura Ngah Abdul Manan, bayi berkenaan kini berada di bawah jagaan sementara pihaknya mengikut Seksyen 25(2)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Beliau berkata, JKM negeri dalam proses melengkapkan dokumentasi bayi yang diberi nama Muhammad Adam Umar Abdul Rahman itu susulan tiada waris yang dapat dikesan sehingga ke hari ini.

“Bayi itu telah dibenarkan keluar dari Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) di sini, kelmarin dalam keadaan sihat, selain turut diberi suntikan imunisasi mengikut umurnya.

“Bagaimanapun JKM tidak dapat mengenal pasti identiti lengkap seperti keturunan, agama dan warganegara bayi terbabit.

“Jadi kami harap waris terdekat dapat tampil membantu melengkapkan urusan dokumentasi Muhammad Adam Umar,” katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Tambah beliau, Mahkamah Kanak-Kanak Kuala Terengganu telah mengeluarkan perintah jagaan sementara bayi tersebut kepada Pelindung Pejabat Kebajikan Masyarakat daerah sehingga 13 Mac ini.

Katanya, perintah jagaan sementara itu diberikan kepada JKM sebelum Muhammad Adam Umar diletakkan di bawah jagaan orang yang layak dan sesuai atau diletakkan di tempat selamat.

“Waris atau orang ramai yang mempunyai maklumat boleh menghubungi Pegawai Pelindung Pejabat Kebajikan Masyarakat Kuala Terengganu, Rismauly Mohd. Ishak, di talian 09-6312002,” tambahnya.

Pada 5 Februari lalu, penduduk sebuah pangsapuri di sini dikejutkan dengan penemuan seorang bayi lelaki berusia kira-kira seminggu yang masih bertali pusat.

Bayi malang itu ditemukan dalam keadaan berbalut kain batik pada pukul 6 petang oleh salah seorang penduduk, Ahmad Fauzi Sulaiman, 28, di bawah bangku kayu di belakang rumahnya. –  
UTUSAN

## **IBU TUNGGAL DAPAT UPAH RM70 SAHAJA POTONG RUMPUT**

<https://www.kosmo.com.my/2023/02/16/ibu-tunggal-dapat-upah-rm70-sahaja-potong-rumput/>

**Sumber : Kosmo**



ALOR GAJAH – Seorang ibu tunggal sanggup melakukan pelbagai pekerjaan kampung termasuk mengambil upah memotong rumput demi menyara kehidupan bersama tiga orang anak di Durian Tunggal di sini.

Bagaimanapun, Noor Lizah Rosli, 33, berkata, sejak kebelakangan ini pendapatan diperoleh tidak lagi dapat menampung keperluan asas anak-anaknya termasuk duit belanja sekolah.

Keadaan itu menyebabkan anak sulungnya, Nurul Umairah Abdullah, 15, yang bersekolah di sekolah sukan iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Kota, Bukit Serindit berhasrat untuk berhenti kerana tidak mahu membebani ibunya.

“Sekarang ini susah nak dapat upah kerja-kerja kampung termasuklah potong rumput. Dalam seminggu, ada lah dua kali saya dapat kerja dengan upah kurang daripada RM70.

“Baru-baru ini, anak sulung di asrama menelefon beritahu dia ingin berhenti kerana kasihan kepada saya dan itu membuat saya sedar keadaan (kewangan) keluarga kami ketika ini memang sangat teruk,” katanya rumahnya di Durian Tunggal di sini baru-baru ini.

Katanya, dia tetap bersyukur kerana keluarganya masih mempunyai tempat untuk berteduh atas ihsan ibunya, Romlah Kasim, 63, yang berkorban membina sebuah rumah kecil menggunakan duit Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Noor Lizah memberitahu, dia pernah berhasrat untuk mencari pekerjaan di bandar, namun terpaksa melupakannya demi menjaga anak keduanya Aleesya Mohd. Azwan, 14, yang menetap bersama.

“Saya fikir, siapa pula yang akan menghantar dan mengambilnya ke sekolah jika saya keluar ke bandar, anak ketiga berusia sembilan tahun pula dijaga oleh keluarga bekas mentua, jadi saya akan mengambilnya pada hujung minggu sahaja.

“Saya tak kisah makan minum saya, cuma kasihan kepada anak-anak terutama yang berada di asrama, kadangkala dia akan telefon menyuruh membelikannya maggi, namun itu pun saya tidak mampu,” katanya.

Ujarnya, baru-baru ini pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah datang menziarahi keluarganya dan menyalurkan bantuan yang layak diterima.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyalurkan bantuan menerusi akaun bank CIMB **7621812429** atas penama Noor Lizah Rosli.

## TUNGGU BAPA PULANG KERJA, KANAK-KANAK HILANG DI KUARI

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/936427/tunggu-bapa-pulang-kerja-kanak-kanak-hilang-di-kuari>

**Sumber : Harian Metro**

Kuching: Kanak-kanak lelaki berusia dua tahun dilaporkan hilang ketika sedang bermain berhampiran Kuari Batu Perigi, Sematan dalam daerah Lundu, hari ini.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak berkata, pihaknya menerima maklumat berhubung kejadian daripada anggota Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lundu pada jam 4.05 petang.

Menurutnya, lapan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Lundu digerakkan ke lokasi sejurus menerima maklumat itu.

"Berdasarkan maklumat yang diterima, kali terakhir mangsa dilihat bermain di luar pondok di belakang rumah kongsi kuari itu.

"Ketika kejadian, kanak-kanak itu mengikut ibunya yang sedang menunggu bapanya pula dari kerja, di Kuari Batu Perigi," katanya.

Menurutnya, menyedari kanak-kanak itu hilang, ibu serta bapanya dengan bantuan beberapa pekerja berusaha mencarinya di sekitar kawasan kuari itu.

Selepas gagal mencari mangsa, laporan polis dibuat dan operasi mencari dan menyelamat (SAR) segera digerakkan oleh anggota BBP Lundu dengan kerjasama polis, Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan pekerja kuari.

"Operasi SAR dilakukan di sekitar belakang rumah kongsi serta kawasan kuari dalam radius dalam satu kilometer sehingga ke kawasan ladang kelapa sawit.

"Bagaimanapun, sehingga jam 5.50 petang, mangsa masih gagal dikesan dan operasi SAR ditangguhkan," katanya.

## KANAK-KANAK AKAN DIKELUARKAN DARI DEPOH TAHANAN IMIGRESEN

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1064882/kanak-kanak-akan-dikeluarkan-dari-depoh-tahanan-imigresen>

Sumber : Berita Harian



PUTRAJAYA: Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam usaha membawa keluar kanak-kanak yang berada di depoh tahanan sementara Imigresen di seluruh negara.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata pihaknya turut mengetahui jumlah sebenar kanak-kanak berkenaan dan keberadaan mereka.

Beliau berkata, mereka akan diserahkan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mengkhusus dalam penjagaan kanak-kanak.

"Kita dalam proses mengeluarkan kanak-kanak itu dari depoh tahanan.

"Perbincangan diadakan bersama beberapa kumpulan masyarakat madani iaitu badan bukan kerajaan (NGO) yang mempunyai pengkhususan dan kepakaran dalam penjagaan kanak-kanak," katanya pada sesi libat urus bersama media di sini, malam ini.

Saifuddin Nasution berkata, pihaknya serius menguruskan kebajikan kanak-kanak berkenaan selepas ia mendapat perhatian aktivis hak asasi manusia dan badan antarabangsa.

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan berusaha mengeluarkan Malaysia daripada senarai Tier Tiga oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat membabitkan pemerdagangan manusia.

Untuk tujuan itu, katanya, usaha yang dipertanggungjawabkan kepada beberapa pegawai kanan kementerian sudah digerakkan, diketuai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Kawalan), Datuk Mohamad Fauzi Md Isa.

Saifuddin Nasution berkata, pihaknya sudah memulakan perbincangan dengan Jabatan Negara Amerika Syarikat selain lawatan akhir tahun lalu.

"Hari ini saya teruskan libat urus dengan Duta Amerika Syarikat ke Malaysia dan memaklumkan inisiatif yang sudah kita ambil, selain melihat amalan baik di beberapa negara.

"Kesungguhan kita dalam membanteras pemerdagangan manusia diukur menerusi tiga komponen ini. Kita berikan perhatian berat kerana kedudukan itu memberi banyak kekurangan kepada negara terutama sekatan terhadap produk keluaran negara," katanya.

Beliau berkata, Sime Darby Plantations yang sebelumnya dikenakan sekatan produk minyak sawit di negara itu atas dakwaan menggunakan buruh paksa, sudah diberikan status bebas dan kini berbaki dua syarikat yang berdepan tindakan sama oleh AS.

## **WARGA EMAS DITEMUI MATI DALAM RUMAH**

<https://www.kosmo.com.my/2023/02/15/warga-emas-ditemui-mati-dalam-rumah-2/>

**Sumber : Kosmo**



Wan Khatijah melihat keadaan rumah adiknya yang ditemui mati dalam kejadian di Kampung Pintu Geng, Kota Bharu hari ini. Foto oleh ROHANA MOHD. NAWI / KOSMO!

KOTA BHARU – Seorang lelaki warga emas tidak sempat menjamah nasi berlauk untuk sarapan pagi yang dibawa oleh adiknya selepas ditemui mati di hadapan pintu tandas rumah di Kampung Pintu Geng di sini hari ini.

Mangsa, Fakri Mohamad, 63, dijumpai dalam keadaan tidak sedarkan diri oleh adik lelakinya, Fadilah Basiron, 55, yang tinggal bersama warga emas itu semasa membuka pintu bilik mangsa kira-kira pukul 7.30 pagi tadi.

Kakak arwah, Wan Khatijah, 65, berkata, Fadilah memaklumkan kepadanya bahawa Fakri sudah meninggal dunia selepas ditemui rebah di depan tandas.

Menurutnya, dia yang tinggal berhampiran rumah mangsa, terus bergegas ke lokasi kejadian sebelum meminta Fadilah menghubungi Klinik Kesihatan Wakaf Che Yeh di sini.

“Arwah Fakri disahkan meninggal dunia oleh pegawai kesihatan yang tiba di rumah itu. Mayatnya kemudian dibawa ke Hospital Raja Perempuan Zainab II di sini oleh pihak polis untuk pemeriksaan lanjut.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten Komisioner Mohd. Rosdi Daud berkata, siasatan awal di lokasi kejadian mendapati kematian mangsa tidak melibatkan unsur-unsur jenayah.

Katanya, kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut dan siasatan lanjut masih diteruskan. – KOSMO! ONLINE

## **POLIS TERIMA 2 LAGI LAPORAN KES CABUL BABIT DOKTOR**

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/15/polis-terima-2-lagi-laporan-kes-cabul-babit-doktor/>

**Sumber : Free MalaysiaToday**

PETALING JAYA: Polis mengesahkan menerima dua lagi laporan melibatkan seorang doktor hospital di Kemaman yang ditahan berhubung kes amang seksual terhadap kanak-kanak perempuan bawah umur, kelmarin.

Menurut Ketua Polis Kemaman, Hanyan Ramlan, laporan dibuat mangsa berusia lapan dan sembilan tahun bersama penjaga masing-masing di IPD Kemaman.

“Kita terima lagi dua laporan daripada dua mangsa yang mendakwa dicabul pegawai perubatan terbabit ketika kanak-kanak perempuan itu menerima rawatan di hospital sama.

“Kedua-dua mangsa mendakwa kejadian itu berlaku sejak awal Januari lalu dan kita sedang menyiasat sama ada kedua-dua kanak-kanak ini menjadi mangsa amang seksual secara fizikal sama seperti mangsa pertama yang membuat laporan pada minggu lalu,” katanya menurut Utusan Malaysia.

Beliau berkata, kedua-dua mangsa dirujuk ke Pusat Siasatan Khas Polis Bahagian Siasatan Kanak-kanak D13 Kontinjen Terengganu untuk tindakan lanjut.

Media pada Jumaat lalu melaporkan doktor berusia 30 tahun itu direman tujuh hari sehingga Khamis ini bagi membantu kes cabul terhadap seorang kanak-kanak berusia 12 tahun yang juga pesakitnya.

Kanak-kanak yang menghidap diabetes itu mendakwa pegawai perubatan terbabit membuka baju serta meraba dadanya, selain suspek turut merakam perbuatan tersebut menggunakan telefon bimbitnya ketika menerima rawatan di bilik rawatan wad hospital tersebut, Rabu lalu.

Pegawai perubatan itu kemudian ditahan Khamis lalu susulan laporan polis dibuat ibu bapa kanak-kanak berkenaan.

### **PESARA, PENEROKA RUGI HAMPIR RM60,000 DIPERDAYA MACAU SCAM**

<https://www.buletintv3.my/jenayah/pesara-peneroka-rugi-hampir-rm60000-diperdaya-macau-scam/>

#### **Sumber : Beletin TV3**

KUANTAN: Terpedaya dengan mesej melalui sistem pesanan ringkas (SMS) dan panggilan telefon pada 9 Februari lalu, membuatkan dua lelaki masing-masing pesara dan peneroka kerugian RM59,970 akibat tertipu dengan kegiatan Macau Scam.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf, berkata mangsa masing-masing berusia 60 dan 74 tahun itu terpedaya dengan samaran pelaku sebagai pegawai Bank Negara Malaysia (BNM) dan polis.

Katanya, kes pertama membabitkan pesara jurutera menerima SMS yang memaklumkan kad kredit digunakan untuk pembayaran E-Tomei sebanyak RM2,850.

“Mangsa kemudiannya menghubungi suspek berdasarkan nombor telefon yang diberikan untuk pengesahan dan talian kononnya disambungkan ke Bank Negara Malaysia.

“Suspek meminta mangsa menyerahkan maklumat perbankan iaitu nombor akaun bank, kad mesin juruwang automatik (ATM) dan kod pengesahan transaksi (TAC) miliknya.

“Selepas tiga hari, mangsa menyedari wang dalam akaun berkurangan RM29,970,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Ramli berkata, mangsa kedua yang juga peneroka menerima panggilan telefon daripada suspek yang menyamar sebagai pegawai polis.

Katanya, menerusi perbualan, suspek memaklumkan mangsa tidak membayar cukai pendapatan dan terbabit dengan aktiviti pengedaran dadah.

“Mangsa berasa takut dan mengikut arahan suspek sehingga memindahkan sejumlah RM30,000 ke akaun bank suspek bagi tujuan penyelesaian kes.

“Kedua-dua kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan,” katanya.

Beliau menasihati orang ramai yang menerima panggilan meragukan untuk segera membuat semakan dengan polis atau agensi kerajaan yang berkaitan.

Katanya, langkah itu untuk mengelakkan daripada menjadi mangsa penipuan.

“Masyarakat juga diingatkan supaya membuat semakan nombor akaun dan nombor telefon yang diterima di pautan <https://semakmule.rmp.gov.my> terlebih dahulu sebelum membuat sebarang transaksi,” katanya.-HARIAN METRO